



# Pengaruh Islam Dalam Rekaan Baju Riau Pahang

Dibentangkan oleh:

**Yasmin Siddik**

(Pengarah, Positive Grooming Sdn.Bh)

9.00 pagi

16 April 2004 (Jumaat)

Auditorium,

Jabatan Muzium & Antikuiti

## FORUM KURATOR

### Pengaruh Islam Dalam Rekaan Baju Riau Pahang

oleh  
Yasmin Siddik

#### Pengenalan

Ketamadunan manusia telah melahirkan sejarah berpakaian atau lebih tepat lagi keperluan asas manusia dalam melindungi diri daripada pelbagai faktor alam. Pakaian dalam kehidupan harian lebih berfungsi sebagai pendinding diri daripada cuaca, keselamatan, keselesaan dan yang paling utama dari sudut kerohanian, membezakan manusia dan makhluk lain yang dijadikan Allah di muka bumi ini.

Sejak dari zaman batu lagi, manusia telah berpakaian mengikut tahap dan pemikiran budaya masyarakat mereka. Kedatangan Islam melengkapkan tuntutan berpakaian agar ia lebih berperaturan dan bersyarat.

Pakaian adalah sebahagian daripada nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia dan tidak kepada makhluk lain. Secara asasnya, tujuan berpakaian adalah untuk melindungi atau memelihara diri dari panas, sejuk, matahari dan hujan. Selain itu berpakaian juga bertujuan untuk memelihara aurat lelaki dan wanita di samping memelihara kemuliaan seseorang lelaki atau wanita. Pakaian juga bertindak untuk membezakan antara dua jantina lelaki dan perempuan supaya mudah dikenali dan pakaian itu juga akan membuatkan seseorang itu kelihatan cantik dan indah.

Dalam surah al-Nahl, ayat 81 Allah SWT telah berfirman:

*“Dan Dia (Allah) telah menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung gunung sebagai tempat-tempat berlindung; dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu ketika berjuang. Demikianlah Dia menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersedih diri kepada-Nya (dan mematuhi perintah-Nya).”*

Daripada ayat ini kita harus faham bahawa berpakaian itu adalah satu nikmat yang diberikan oleh Allah swt. kepada hambanya. Allah lebih mengetahui apa yang lebih baik dan sesuai untuk hamba-hambanya.

Dalam hal ini, satu analisis atau kesimpulan dapat kita buat bahawa pakaian itu adalah satu keindahan yang dikehendaki oleh Allah swt ke atas hamba-hambanya. Allah swt. mahukan hambanya berpakaian dengan cara yang Ia kehendaki. Sudah tentu, apa yang diinginkan oleh Allah swt adalah sesuatu yang cantik dan baik. Secara tidak langsung, kita sebagai hambaNya haruslah memastikan agar tuntutan yang dibuat dapat dipenuhi dengan sebaik mungkin.

## Baju Melayu Tradisional

Dalam sesebuah tamadun, perkembangan budaya lazimnya seiring dengan perkembangan budaya berpakaian dan kawasan Alam Melayu telah melalui budaya ini dengan masyarakat Melayu sejak kemunculan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 15. Melaka sebagai sebuah kerajaan telah berperanan bukan sahaja sebagai sebuah pusat pemerintahan dari aspek politik dan ekonomi malah mencetuskan perkembangan keseluruhan kebudayaan Melayu di Nusantara.

Kedudukan Melaka sebagai sebuah bandar pelabuhan yang strategic dan pusat pertemuan masyarakat pedagang dari sejauh tanah Arab, India, China dan masyarakat Melayu Nusantara telah mencetuskan perkembangan budaya yang pelbagai di sebabkan oleh kemasukkan pelbagai unsur termasuk barangan dari timur dan barat.

Pada zaman kerajaan Melayu Melaka terdapat satu peraturan khusus mengenai cara berpakaian iaitu mengikut taraf dan kedudukan masing-masing. Mungkin tradisi ini adalah satu ide yang di wujudkan oleh masyarakat pada masa hasil pertembungan pelbagai budaya di situ.

Kemasukkan agama Islam juga telah memberi kesan positif terhadap perubahan sesebuah masyarakat dari segi nilai dan keagamaan orang Melayu. Kedatangan Islam juga turut mengubah cara berpakaian orang Melayu daripada pakaian berkemban kepada yang lebih sempurna dan berperaturan.

Setelah beberapa abad berlalu pakaian Melayu tidak banyak mengalami perubahan yang ketara. Pemerintahan Inggeris sejak 1874 secara berperingkat-peringkat telah memberi kesan yang mendalam terhadap system politik, ekonomi, pentadbiran dan social Tanah Melayu. Penyerapan unsur-unsur barat dalam pakaian Melayu mula diperkenalkan penjajah barat dan mendapat tempat di kalangan masyarakat tempatan terutama orang Melayu yang mula menggunakan tekstil yang lebih tahan dan praktikal.

Walaupun terdapat unsur-unsur luar, namun baju kurung tradisional masih di gunakan untuk upacara-upacara tertentu. Temenggong Abu Bakar yang dilantik sebagai Sultan Johor yang dahulu berpusat di Teluk Belanga, Singapura di katakan telah mengubahsuai potongan baju kurung dan memperkenalkan Baju Kurung Telok Belanga sebagai pakaian rasmi orang Melayu Johor.

Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Melaka (1488 – 1511), Temenggung Tun Hassan di beritakan mengubahsuai Baju Kurung dengan membesarkan lengan dan badan baju. Pakaian ini kekal sehingga kini dan besar kemungkinan Baju Kurung Cekak Musang yang menjadi pakaian kebangsaan orang Melayu mula diperkenalkan sejak zaman kesultanan Melaka berasaskan Baju Kurung tersebut.

Baju Kebaya Labuh pula mendapat tempat di kalangan wanita tempatan. Baju labuh dan berlengan besar, dan di semat dengan pin atau keronsang. Perkataan Kebaya mungkin berasal dari perkataan Turki iaitu "*Al Akibiya Al Turkiyya*" yang bermaksud Baju Turki yang berbelah dan lipatnya selisih menyerong di hadapan dari kiri dan kanan.

Ada juga pendapat yang mengatakan baju kebaya diperkenalkan oleh orang Portugis yang datang ke Melaka sejak abad ke 16 lagi. Pakaian ini dipakai oleh wanita Portugis dan diminati wanita-wanita tempatan dari pantai timur dan Johor. Pakaian ini juga di sematkan dengan tiga butir keronsang seperti baju Kebaya.

Baju Kebaya Labuh boleh juga disebut sebagai Baju Belah Labuh Besar. Sekali imbas pakaian ini kelihatan seperti "*djubba*" Mesir. Berdasarkan sejarah berpakaian bangsa Asia Barat kita boleh

menerima tanggapan yang mengatakan bahawa Baju Kebaya ini mempunyai unsur-unsur latar belakang sejarahnya dari Asia Barat.

Melihat pada perkembangan fesyen pada hari ini, pakaian tradisional Melayu akan terus di pertahankan sebagai lambang dan budaya orang Melayu. Walaupun terdapat unsur-unsur luar yang kuat pengaruhnya namun pakaian tradisional masih bertahan dan bertakhta di hati penduduk tempatan kerana ketulinan pakaian Melayu kekal dalam menggambarkan jiwa orang Melayu yang lemah lembut dan sopan santun.

### **Baju Riau Pahang**



*Baju Riau Pahang*  
(Sumber: Muzium Negara)

Riau dan Pahang merupakan merupakan dua buah negeri yang berjauhan tetapi mempunyai pertalian sejarah dan sosio budaya yang agak rapat. Pahang dan Riau telah menjalin perhubungan politik dan sosio budaya sejak di zaman kerajaan Melayu Melaka dan terus berkekalan buat sekian lamanya. Melalui perhubungan inilah terciptanya potongan pakaian Melayu yang dipanggil *Baju Riau Pahang*.

Kehadiran *Baju Riau Pahang* di dalam budaya berpakaian orang Melayu tidaklah sehebat kehadiran Baju Kurung Telok Belanga dan Baju Kebaya Labuh. *Baju Riau Pahang* hanya dipakai oleh segelintir masyarakat sahaja. Keadaan ini jauh berbeza dengan Baju Kurung Telok Belanga, Baju Kebaya Labuh dan Baju Kebaya Pendek yang dipakai oleh segenap lapisan masyarakat Melayu. Malah hingga ke hari ini tidak semua golongan tua di Malaysia tahu dan pernah melihat *Baju Riau Pahang*.

Setengah orang menyebut *Baju Riau Pahang* sebagai *Baju Belah* atau *Baju Kebaya Turki*. Ada pendapat yang mengatakan *Baju Riau Pahang* merupakan adunan baju Kurung Cekak Musang dan Baju Kebaya Labuh. Seimbias pandang, *Baju Riau Pahang* memang seperti Baju Kebaya Labuh yang berkolat tinggi.

### **Sejarah Baju Riau Pahang**

Asal usul *Baju Riau Pahang* sehingga kini masih belum dapat ditentukan sepenuhnya. Walaupun besar kemungkinan baju tersebut wujud atau berasal dari Pahang atau Johor-Riau. Namun sehingga hari ini tidak terdapat satu bahan bukti untuk mengesahkan asal usul baju tersebut. (Abbas, Alias dan Norwani Md. Nawawi, 2003:82)

Besar kemungkinan *Baju Riau Pahang* menjadi popular semasa pentadbiran Johor-Riau-Lingga dalam abad ke 19. Menurut Abbas dan Norwani (2003:82) dalam buku mereka **Pakaian Melayu Sepanjang Zaman**, gambar dari buku **The Precious Gift** yang telah ditulis oleh penulis berbangsa Inggeris menunjukkan pakaian yang dipakai oleh pengawal yang mengiringi Sultan Sulaiman dari Lingga ketika pentadbiran baginda pada tahun 1867 mempunyai persamaan dengan *Baju Riau Pahang*.

Abbas dan Norwani juga telah mengatakan bahawa Dato' Bijaya Syed Hashim dalam tahun 1899, memberitahu bahawa Tengku Mahmud Pahang telah berkahwin dengan Tengku Mariam, puteri Sultan Abu Bakar. Tengku Mariam berminat dalam bidang seni reka fesyen telah berperanan memperkenalkan *Baju Riau Pahang* pada masa itu.

Manakala Siti Zainon dalamnya buku **Busana Melayu Johor** (1997:33), telah memetik kata-kata Tenas Effendy bahawa Baju Kebaya Gunting Sembilan juga merujuk kepada pola *Baju Kurung Riau* yang digunakan ketika pemerintahan kerajaan Melayu Johor-Riau yang kemudian berkembang ke Pahang dan Terengganu.

Di dalam penyelidikan mengenai *Baju Riau Pahang* yang telah dibuat oleh Zubaidah Shawal dan tertulis di dalam bukunya **Busana Melayu** (1994:83) mendakwa bahawa pakaian Baju Riau Pahang adalah hasil usaha Tengku Ampuan Mariam, puteri Sultan Ahmad Al-Muazzam Syah (Sultan Pahang 1).



*Tengku Ampuan Mariam* (Sumber: Muzium Negara)



*Sultan Badrul Alam Syah  
Sultan Terengganu XIII  
(Sumber: Muzium Negara)*

Tengku Ampuan Mariam telah berkahwin dengan Sultan Badrul Alam Syah (Sultan Terengganu XIII) yang memerintah dari 27 Mei 1920 sehingga 25 Sept 1942. Tengku Ampuan Mariam dikatakan mempunyai koleksi pakaian *Baju Riau Pahang* yang kebanyakannya berasal daripada Terengganu dan Pahang.

Ikatan perkahwinan diRaja di antara kedua negeri ini boleh dijadikan salah satu sebab mengapa *Baju Riau Pahang* hanya kedapatan di kedua-dua negeri ini sahaja. Pemakaiannya pun tidak meluas, malah baju ini bukan menjadi pakaian rakyat tetapi hanya menjadi pakaian peribadi kepada Tengku Ampuan Mariam dan kerabatnya.

Mungkin pada masa itu sebagai seorang budayawan yang sekali gus peminat seni, Tengku Ampuan berjaya mencipta sejenis potongan pakaian yang amat unik dan kemas. Sebenarnya kaum wanita Melayu pada masa tersebut memang tidak lagi terdedah kepada perkembangan fesyen pakaian dari dunia barat. Kaum wanita masih terkongkong dengan tata susila, adat dan budaya berpakaian cara Melayu sahaja. Faktor inilah yang menyebabkan potongan *Baju Riau Pahang* masih mengekalkan ciri-ciri kesopanan dan kesantunan pakaian orang Melayu.

Tengku Ampuan Mariam dikatakan juga sabagai pelopor seni menenun kain tenun Pahang di Pulau Keladi, Pekan. Baginda amat mengambil berat dalam perusahaan tersebut dan menjadikan tenunan Pulau Keladi sebagai satu perusahaan tersebut dan menjadikan tenunan Pulau Keladi sebagai satu perusahaan di bawah naungannya. Kain songket dan kain broket merupakan fabrik yang sering digunakan untuk membuat *Baju Riau Pahang* dari koleksi Tengku Ampuan dan kerabatnya.


### **Ciri-Ciri Baju Riau Pahang**

Menurut Azah Aziz dalam buku *Selayang Kenangan*, (1990:84) *Baju Riau Pahang* hanya dipakai oleh kerabat diRaja, Pahang, Johor dan Terengganu. Beliau juga menyatakan asas baju tersebut adalah gabungan Baju Kurung Cekak Musang dan Kebaya Labuh. *Baju Riau Pahang* mempunyai kolar tinggi iaitu ciri Baju Kurung Cekak Musang dan berbelah di depan seperti

kebaya labuh dengan berbutang separuh sahaja. Ia dikatakan baju diRaja dan lazimnya berbutang tujuh atau sembilan.

Siti Zainon telah menyatakan bahawa rekonstruksi pakaian cara Melayu dengan gabungan unsur yang disusun berdasarkan urutan sejarah sejak abad ke 13 dan dilanjutkan dengan gabungan unsur persekitaran warisan budaya Melayu dari abad ke 15 hingga abad ke 19.

Menurut Zubaidah Shawal dalam **Busana Melayu** (1994:85), *Baju Riau Pahang* adalah antara baju tradisional Melayu yang paling rumit dan istimewa potongannya. Sehingga ke hari ini tidak ramai tukang jahit yang mempunyai kemampuan untuk meniru cara potongan baju tersebut jika sekadar melihat sepintas lalu sahaja.



**Pecahan Dasar Baju Riau Pahang**

(Sumber: Zubaidah Shawal, *Busana Melayu*)

Sebagaimana baju tradisi yang lain, *Baju Riau Pahang* juga diperbuat daripada dasar-dasar tambahan untuk mendapatkan potongan badan pemakai. Pada kedua-dua bahagian tepi baju berpesak kembang yang berlainan sekali dengan pesak Baju Kurung tetapi tidak berkekek.

Lengan bajunya lebar dan lurus seperti Baju Kurung dan pada bawah lengan disambungkan kekek gantung. Bahagian rusuknya berpesak kembang yang disambungkan kepada bahagian belakangnya yang menirus ke bawah. Bagaimanapun Tengku Ampuan Mariam mempunyai bermacam-macam cara potongan tetapi masih tetap berkolar tinggi dan berpesak kembang.

Butang yang dijahit pada *Baju Riau Pahang* adalah tujuh atau sembilan butir butang yang diletakkan pada bahagian hadapan baju. Lubang butang ditindih dari kanan ke kiri dan biarkan terbuka dari bahagian perut ke bawah. Kain sebanyak 2.5 - 3 meter diperlukan termasuk kain yang digunakan untuk membuat pesak-pesak kembang untuk menyiapkan sehelai *Baju Riau Pahang*.

## **Ciri-Ciri Jubah**

Kedatangan Islam di Asia Tenggara pada 7M telah membawa satu lagi pengaruh terhadap budaya berpakaian daripada tamadun Arab-Parsi yang diperkenalkan masyarakat Arab di sebelah Sumatera Utara serta kawasan-kawasan perdagangan lain di Asia Tenggara.

Antara jubah-jubah Arab yang dikaji berbentuk seperti baju panjang sampai buku lali, berpotongan longgar, berkekek serta berpesak kembang. Ini merupakan ciri dasar dalam bentuk pola pakaian jubah. Jubah sehingga kini kekal dengan unsur kembang sebagai satu ciri utama pakaian tersebut.

Melalui penelitian dan pemahaman saya percaya ciri-ciri istimewa yang sama terdapat pada *Baju Riau Pahang* dan jubah Arab lama ialah bahagian atas pinggang baju ini mengecil sedikit sebelum mengembang ke bahagian bawah. Ciri ini terbentuk dengan kehadiran kekek gantung dan pesak kembang yang bermula pada bahagian rusuk baju itu.

Di belakang jubah ini juga mempunyai kekek gantung dan pesak kembang yang bermula di bahagian rusuk baju. Lengan baju ini panjang dan tidak begitu kembang potongannya mungkin kerana membataskan lengan baju daripada tersensing atau mendedahkan bahagian lengan.

Jubah Arab yang disertakan dengan pola ini tidak berkolar dan potongan kolarnya bulat dan lebar. Cara memakainya dilalukan terus mulai kepala. Potongan baju besar dan kembang boleh dipakai secara berlapis mengikut keadaan iklim dan keadaan pada sesuatu masa.

Koleksi jubah-jubah yang terdapat di *Muzium Kesenian Islam* banyak menjurus kepada potongan longgar dan besar agar pemakai tidak memperlihatkan bentuk badannya kepada umum.

Jubah-jubah yang dipercayai dibuat di tanah Arab atau di India mahupun China, menggunakan fabrik yang lembut dan ringan. Pemilihan fabrik adalah berdasarkan corak alam flora dan oleh kerana adanya pengaruh Islam, bunga-bunga tempatan menjadi pilihan ketika membuat pesanan kepada kain-kain yang ditenun dalam atau luar gugusan pulau-pulau Melayu.

*Baju Riau Pahang* yang terdapat dalam koleksi Muzium Negara adalah daripada kain broked yang bercorak bunga dan berwarna gelap. Mungkin pengaruh luar seperti diceritakan orang Turki pada abad ke-19 yang gemarkan warna-warna lembut bijak mengabungkan warna-warna ceria dengan lembut sehingga ia menjadi menarik jika dilihat apabila mereka berkuda dengan pelana dalam warna yang terik untuk memberi kesan lembut hasil kain muslin yang dipakai di atas pakaian mereka.

Ciri pakaian Islam yang memberikan kebebasan kepada tubuh manusia adalah pakaian yang sesuai dengan tubuh mereka untuk bergerak dan melakukan apa juga aktiviti dengan selesa.

## **Pengaruh Islam dalam rekaan Baju Riau Pahang**

Terdapat sekurang-kurangnya, tujuh jenis kain digunakan oleh wanita dari golongan istana iaitu songket, telepuk, pelangi, suji/tekat, serasah, tafta dan cindai. Kesemua jenis kain ini menampilkan ciri-ciri khas tradisi agung dengan penggunaan bahan-bahan mewah atau kain yang diimprot seperti tafta iaitu tenunan Istanbul, serasah India, lengkap dengan proses dan teknik seperti menyulam (tekat, suji), menenun (cindai), menyungkit (songket), menelepuk (telepuk), mengikat celup (pelangi). Pandangan yang diutarakan




oleh Raja Fauziah Raja Tun Uda yang telah bekerja di Istanbul selama beberapa tahun berpendapat bahawa *Baju Riau Pahang* mirip pakaian orang Turki dahulukala.

Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Johor kerap berkunjung ke Turki untuk bercuti selama berbulan-bulan lamanya. Mungkin kerana tertarik dengan keindahan pakaian orang Turki, maka unsur-unsur pakaian Turki itu diambil dan diserapkan ke dalam pakaian kerabat diraja Johor. Kunjungan kerabat diraja Johor ke Turki bukan sahaja bermula dari era Sultan Abu Bakar, bahkan semenjak Raja Riau-Lingga yang berkunjung ke sana pada tahun 1825.

*Baju Riau Pahang* menyerupai baju formal wanita Melayu yang lain iaitu berbentuk seperti leher baju kurung cekak musang tetapi bajunya terbelah di hadapan dari leher hingga ke kaki baju. Bahagian hadapan baju di kancing dengan butang sejumlah lima, tujuh atau sembilan butir.


Pada masa dahulu, butang yang digunakan ialah butang baju Melayu lelaki tetapi sekarang baju ini telah digubah dengan menggunakan pelbagai jenis butang yang terdapat di pasaran.

Jubah Arab



Depan


Baju Riau Pahang



Depan


(Potongan Baju Riau Pahang & Jubah Ara)

Jubah Arab



Belakang

Baju Riau Pahang



Belakang

(Potongan Baju Riau Pahang & Jubah Arab)

Jubah-jubah yang diperlihatkan sama ada di dalam buku **Dress for the Body, Body for the Dress** atau di koleksi Muzium Kesenian Islam kebanyakannya berbelah di depan dan menggunakan tali atau berbutang di bahagian atas sahaja dan terbuka di bahagian perut ke kaki baju. Ciri ini amat ketara dalam *Baju Riau Pahang* yang berbutang bertindih serta terbuka terus sampai ke kaki baju mulai di bahagian bawah perut.

Gambar jubah ini dipadankan dengan satu lagi baju panjang atau jubah di bahagian dalam dan jubah yang terbuka sama ada dengan sedikit butang atau tali sebagai kancing menahan jubah daripada terbuka. Jubah ini dipakai sebagai baju luar atau **cloak** untuk melapis atau melindungi baju di dalam.

Penggunaan kekek gantung di bahagian bawah lengan baju dan pesak kembang merupakan ciri utama dalam penghasilan jubah timur tengah dan ciri ini juga terdapat pada *Baju Riau Pahang*. Satu lagi ciri istimewa *Baju Riau Pahang* yang membezakannya daripada baju kurung ialah bahagian di atas pinggang baju itu mengecil sedikit sebelum mengembang ke bahagian bawah. Ciri ini dihasilkan dengan mengadakan kekek gantung dan pesak yang kembang pada bahagian rusuk baju itu.

Terdapat ciri di bahagian atas pinggang jubah yang mengecil sedikit sebelum mengembang ke bahagian bawah pada potongan jubag Arab. Ia dipercayai potongan tradisi lama daripada jubah Arab Saudi.

Cara pemakaian Jubah sama ada di atas baju panjang atau jubah nipis di bahagian dalamnya, jubah berbutang dan terbuka di bahagian bawah perut lazimnya digunakan sebagai pakaian luar.

Manakala *Baju Riau Pahang* yang mempunyai mirip potongan jubah, berlengan panjang serta besar dan berkekek gantung di bahagian bawah ketiak dipakaikan dengan kain yang diikat secara "ombak beralun". Selain nama *Baju Riau Pahang*, baju ini juga dikenali dengan nama Baju Kurung Pahang atau Baju Riau-Pahang dan ada juga yang mengenalinya dengan nama baju kurung Turki.

Bentuk atau potongan *Baju Riau Pahang* itu, dirasakan agak rumit bagi orang biasa dahulu kala membuatnya, terdapat unsur-unsur tambahan yang sukar di jahit seperti kekek gantung, pesak kembang, butang yang banyak dan leher baju cekak musang.

## Kesimpulan



Baju Riau Pahang - Depan  
(Sumber: Koleksi Muzium Negeri Pahang)



Baju Riau Pahang - Belakang  
(Sumber: Koleksi Muzium Negeri Pahang)

*Secara keseluruhan Baju Riau Pahang yang menjadi tajuk utama dalam kajian saya untuk pengajian sarjana memberi satu kesimpulan yang pakaian ini wujud pada masa kedatangan Islam di Nusantara lagi. Sama ada melalui pedagang Arab, India atau China, saya mendapati pakaian jubah atau baju pnjang ini menjadi satu cara berpakaian orang-orang yang datang ke kepulauan Melayu ini melalui jalan rempah atau jalan sutera.*

Terdapat juga kebarangkalian yang cukup kuat apabila pembuktian yang Islam sudah bertapak di kepulauan Melayu atau Nusantara seawal abad ke 7 Masehi lagi, bila pendakwah Islam yang berasal dari Arab telah menetap di bandar-bandar dan pelabuhan utama dan mewujudkan

keluarga-keluarga Arab yang kemudian berkahwin dengan anak-anak pemerintah dan mendirikan kerajaan Islam di kawasan tersebut.

Dengan kedatangan Islam ia bukan sahaja telah membawa satu kepercayaan baru kepada penduduk di situ malah telah turut mempengaruhi budaya orang Melayu nusantara yang pakaian Islam berlandaskan jubah yang menjadi dasar atau asas kepada cetusan pemikiran pemerintah untuk menwujudkan satu cara berpakaian menurut kedudukan dan pengaruh pemerintah di situ.

Penerimaan Islam juga menimbulkan reaksi positif terhadap perubahan pakaian penduduk di situ. Yang paling mirip kepada baju jubah dari segi potongan penggunaan fabrik, menjurus kepada *Baju Riau Pahang*. Sekiranya kajian ini dijalankan dengan lebih mendalam dan saintifik, *Baju Riau Pahang* boleh dianggap baju Melayu pertama yang wujud di Nusantara setelah kedatangan Islam.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi, 2003. "**Pakaian Melayu Sepanjang Zaman.**" Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Al-Faruqi, Ismail R. and Al-Faruqi, Lois Lamy', 1992, "**Atlas Budaya Islam.**"  
Translated by Mohd. Ridzuan, Mohd. Sidin Ishak dan Khairuddin Harun,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Azah Aziz, 1990. "**Selayang Kenangan.**" AMK Interaksi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Barry, Michael, 1996. "**Colour and Symbolism in Islamic Architecture.**"  
Thames and Hudson Ltd., London.

Buyong Adil, 1971. "**Sejarah Johor.**" Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_, 1984. "**Sejarah Pahang.**" Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.

D'Zul Haimi Hj. Md. Zain, 2003. "**Seni Islam.**" Univision Press Sdn. Bhd.,  
Batu Caves, Selangor.

Fernie, Eric, 1995. "**Art History and its Methods: A Critical Anthology.**"  
Phaidon, London.

Edwards, Steve. Editor, 1998. "**Arts and Its Histories - A Reader.**" Yale  
University Press, New Haven and London.

Hamond, Peter B., 1978 "**An Introduction to Cultural and Social Anthropology.**"  
New York, McMillan.

Jones, Sue Jenkyn, 2002. "**Fashion Design.**" Laurence King Publishing Ltd.,  
London.

Mohammad Khair Fatimah, 1999. "**Adab dan Sopan dalam Islam.**" 2<sup>nd</sup> edition,  
translated by Mohd. Sofwan Amrullah, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur.

Preziosi, Donald. Editor, 1998. **"The Art of Art History: A Critical Anthology."** Oxford University Press, Oxford.

Ocvirk, Otto G, 2002. **"Art Fundamentals: Theory and Practice."** McGraw-Hill, New York

Siti Zainon Ismail, 1977. **"Busana Melayu Johor."** Fajar Bakti, Shah Alam, 1977.

Tenas Effendy, 1989. **"Ungkapan Traditional Melayu Riau."** Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Uma Sekaran, 2000. **"Research Methods for Business."** 3<sup>rd</sup> edition, John Wiley & Sons, Inc., New York.

Wan Abdul Kadir, 1988. **"Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran."** Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Yasmin Siddik, 2003. **"Sopan & Anggun."** Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Yasmin Siddik, 1993. **"Busana Nisa'."** Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Zakiah Hanum, 1987. **"Tradisi dan Budaya."** Times Books International, Kuala Lumpur.

#### **Akhbar**

**Utusan Malaysia**, "Fesyen bertudung harus berlandaskan syariat," pp. 4, 24 Jun 2003.

#### **Kertas Kerja**

Azah Aziz, 1989. **"Seni Pakaian Melayu di Semenanjung Malaysia,"** Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Ke II, Kuala Lumpur.

\_\_\_\_\_, 1990. **"Pakaian Melayu,"** Kertas Kerja Bengkel Pakaian dan Tekstil Melayu, Terengganu.

#### **Pameran**

**"Baju + Sarung: Pemakaian Satu Bangsa,"** Pameran Baju di Balai Seni Lukis Negara, 29 Ogos hingga 16 September 2002, Kuala Lumpur.